

16 NOV 2001

MAHATHIR-RANGSANGAN

MAHATHIR: RM7.3 BLN PAKEJ RANGSANGAN AKNA DIBELANJA MENJELANG AKHIR 2001

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keseluruhan pakej rangsangan berjumlah RM7.3 bilion akan dibelanjakan menjelang akhir tahun ini.

Beliau berkata peruntukan itu tidak akan melimpah ke tahun depan kerana kerajaan akan mempunyai peruntukan lain bagi 2002.

Menjawab satu soalan yang hanya sebahagian kecil dana di dalam pakej rangsangan fiskal itu telah dibelanjakan, Dr Mahathir berkata masih ada lagi masa untuk membelanjakannya.

"Pada mulanya, ia adalah perlahan tetapi akhirnya ia akan meningkat menjelang akhir tahun," beliau memberitahu pemberita selepas menyerahkan kunci lot-lot banglo kepada batin Orang Asli di Bukit Lanjan di sini hari ini.

Kerajaan telah memperkenalkan pakej rangsangan fiskal sebanyak RM3.0 bilion dalam suku pertama tahun ini di tengah-tengah ekonomi dunia yang lembap dan tambahan pakej RM4.3 bilion selepas serangan 11 Sept di Amerika Syarikat.

Dr Mahathir berkata kesemua projek yang diliputi oleh pakej rangsangan itu telah diluluskan.

Sebelum itu di dalam ucapannya pada upacara itu, Dr Mahathir telah bersetuju bagi kawasan penempatan di Bukit Lanjan itu dinamakan "Desa Temuan Bukit Lanjan" manakala yang di Sungai Buloh sebagai "Desa Riang".

Beliau juga memuji usaha pemaju projek itu, Emkay Group, kerana membina rumah-rumah dan infrastruktur di kawasan penempatan Orang Asli Bukit Lanjan, dan bahawa ini patut dicontohi oleh pemaju-pemaju lain.

Katanya pemaju-pemaju tidak seharusnya semata-mata memikirkan keuntungan besar tetapi patut prihatin terhadap tanggung jawab sosial mereka terhadap masyarakat.

"Kalau kita mempunyai perasaan timbang rasa kepada yang kurang bernasib baik, akan wujud keamanan dan kemajuan di dalam masyarakat," tambahnya.

Sementara itu, projek bagi pembangunan bekas Tanah Simpanan Orang Asli di Bukit Lanjan dan Sungai Buloh meliputi 322.44 hektar, yang mana 276.44 telah diberi milik pada 1995 kepada Saujana Triangle Sdn Bhd, anggota Emkay Group, untuk pembangunan campuran.

Kerajaan negeri Selangor telah meluluskan peruntukan RM60.9 juta bagi pembangunan perumahan dan kemudahan-kemudahan untuk Masyarakat Orang Asli di Bukit Lanjan manakala RM7.9 juta lagi diperuntukkan bagi Tabung Pendidikan bagi anak-anak Orang Asli Bukit Lanjan.

Kesemua dana itu merupakan sebahagian daripada sumbangan yang akan dibayar oleh Emkay Group sebagai balasan bagi tanah yang diberi milik bagi pembangunan, Emkay berkata di dalam satu kenyataan hari ini.-- BERNAMA

SHO KCT OS